



**KEADAAN parit Kg.
Sg. Kluang Darat.**

Bersihkan parit Kg. Sg. Kluang Darat *Utusan 2/1/18* *ms 12*

SAUDARA PENGARANG,

KALI terakhir parit di Kg. Sg. Kluang Darat, Rengit, Johor digali atau dibersihkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Batu Pahat ialah pada 2009.

Kini, parit berkenaan sudah dipenuhi dengan semak-samun. Apabila hujan lebat, air yang bertakung di kawasan sekitar akan menyebabkan beberapa rumah ditenggelami air. Keadaan seperti itu tidak pernah berlaku ketika parit bersih sebelum ini.

Untuk makluman, kami (penduduk dan ketua kampung) telah memaklumkan hal tersebut kepada pihak JPS Batu Pahat dan Ahli Dewan Undangan kawasan Rengit untuk tindakan lanjut, namun sehingga kini tiada sebarang maklum balas daripada kedua-duanya.

Memandangkan tiada respons, saya, mewakili penduduk terpaksa mengetengahkan masalah berbangkit dalam ruangan *FORUM Utusan Malaysia* dengan harapan pihak di pejabat Menteri Besar Johor maklum tentang perkara itu.

AHMAD KORDI
Batu Pahat, Johor